

Pendekatan *al-Tafa'ul* Menurut Islam serta Contoh Penggunaannya dalam Kitab-Kitab Fiqh

Hasanulddin Mohd
Ahmad Tirmizi Taha
Akila Mamat

Abstrak

Al-tafa'ul bermaksud optimis, yakin serta senang hati dalam melakukan sesuatu perkara atau menyebut sesuatu benda. Ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Islam. Mereka sering mengamalkan pendekatan *al-tafa'ul* untuk memohon keberkatan dalam apa jua tindakan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, kefahaman mereka terhadap pendekatan ini masih tidak dapat dipastikan, jika dibandingkan dengan perspektif Islam. Artikel ini cuba menjelaskan konsep *al-tafa'ul* yang sebenar menurut Islam serta contoh penggunaannya dalam kitab-kitab turath fiqh. Data-data diperolehi daripada kitab-kitab fiqh yang terpilih dan dianalisis dari sudut pendekatan *al-tafa'ul*. Kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak topik fiqh yang mengandungi pendekatan ini seperti solat, pengurusan jenazah, memberi nama anak dan majlis akikah. Ia datang dalam bentuk perkataan yang jelas atau tersirat. Kebanyakannya mempunyai sandaran syara'. Kesimpulannya, pendekatan *al-tafa'ul* secara dasarnya adalah diterima. Namun, ia bergantung kepada cara pelaksanaannya oleh masyarakat.

Kata kunci: konsep *al-tafa'ul*; perspektif Islam; penggunaan dalam kitab-kitab Fiqh.

Abstract

Al-tafa'ul means optimism, confidence and good attitude towards any action or in expressing certain words. It is part and parcel of Muslim society life. They often practice *al-tafa'ul* approach in order to seek for the barakah in whatever they do. Nevertheless, their understanding of the *al-tafa'ul* concept cannot be ensured when compared to the Islamic view. This article tries to explain the actual concept of *al-tafa'ul* in Islam and its implementation in the traditional Fiqh books. The data are collected from the selected fiqh books and analysed in terms of *al-tafa'ul* implementation. The article finds there are many topics in Islamic Law which contain the *al-tafa'ul* approach, such as solat, the funeral management, the naming of children and aqiqah ceremony. It comes whether in direct or indirect and based on Islamic principle. So, we can conclude that the approachment is principally acceptable, but it depends on how it is implemented.

Key words: *al-tafa'ul* concept; Islamic view; implementation in the Fiqh books.

Pendahuluan

Pendekatan *al-tafa'ul* atau ringkasnya perasaan optimis dalam mengharapakan keberkatan merupakan satu isu yang sering berlegar dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ini disebabkan hasrat dan keinginan mereka untuk memastikan setiap perkara yang dilakukan adalah mendapat keberkatan dan keredhaan Allah s.w.t.. Tujuan yang murni ini sangat bertepatan dengan kehendak dan roh syarak yang selaras dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, usaha untuk mendapatkan keberkatan dan keredhaan Ilahi boleh tersasar jauh sekiranya tidak dipandu oleh kefahaman sebenar tentang pendekatan tersebut. Malah ia boleh mengundang kepada penyelewengan akidah jika tidak melalui pegangan dan kaedah yang betul. Dalam hal ini, Allah taala berfirman:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا (١١٠)

Maksudnya:

Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.

(al-Kahfi: 110)

Artikel ini cuba mengupas maksud pendekatan *al-tafa'ul* yang sebenar mengikut Islam serta sejauhmana perbincangannya dalam kitab-kitab fiqh. Bagi memenuhi tujuan ini, ia akan menerangkan pendekatan *al-tafa'ul* serta konsepnya, perbandingan pendekatan ini dengan konsep-konsep yang seiras dengannya, penggunaan pendekatan ini menurut perspektif Islam dan akhir sekali, contoh-contoh penggunaannya dalam kitab-kitab fiqh.

Pendekatan *al-Tafa'ul* dan Konsepnya

Sebagai permulaan, kertas ini memperkenalkan pendekatan *al-tafa'ul* dan konsepnya. Ia merangkumi pengertian *al-tafa'ul*, dalil-dalil pengambilannya, dan perbandingan antara *al-tafa'ul* dengan *al-tawassul* dan *al-tabarruk*.

Pengertian *al-Tafa'ul*

Al-tafa'ul ialah kalimah Arab yang berasal daripada kalimah *al-fa'l* yang bermaksud optimis, yakin serta senang hati dalam melakukan sesuatu perkara atau menyebut sesuatu benda. Ia juga mengharapakan sesuatu perkara yang baik dalam pekerjaan dan bersangka baik dengannya. Lawannya ialah pesimis (*al-tasha'um*) atau *al-tiyarah* (Ahmad al-'Ayad et al. t.th., 912). Imam Ibn Rejab al-Hanbali menjelaskan makna *al-fa'l* ialah kalimah yang baik yang didengar oleh seseorang yang berhajat (Ibn Rejab 2005, 85). Imam Ibn al-Athir pula menyebut contoh *al-tafa'ul* ialah apabila seseorang itu jatuh sakit. Maka ia akan berasa senang hati dan bergembira apabila mendengar orang memanggilnya sebagai sihat. Maka inilah yang dinamakan *tafa'ul* (Ibn al-Athir t.th., 3: 766).

Walaupun bagaimanapun, di sebaliknya hakikat bahawa kalimah *al-tafa'ul* ini biasanya merujuk kepada makna yang baik, kalimah ini sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu *al-tafa'ul al-salih* atau *al-hasan* (*tafa'ul* yang baik), dan juga *al-tafa'ul al-Qabih* atau *al-Su'* (*tafa'ul* yang buruk). Namun, pembahagian ini tidak digunakan secara meluas. Ini bermaksud apabila kalimah *al-tafa'ul* digunakan secara umum atau mutlak, ia biasanya merujuk kepada pendekatan yang baik, melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam sebuah hadith qudsi yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي، إِنَّ ظَنِّي بِخَيْرٍ فَلَهُ، وَإِنْ ظَنُّ شَرًّا فَلَهُ.

Maafumnya:

Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla berfirman: Aku berada di sisi sangkaan hamba-hamba-Ku. Sekiranya mereka bersangka baik, maka akan ditunaikan, jika mereka bersangka buruk, turut akan ditunaikan

(Ahmad ibn Hanbal 2008, Musnad Baqi al-Mubashsharin bi al-Jannah, Musnad Abi Hurayrah, no. 9314).

Dalil-dalil al-Tafa'ul

Dalil-dalil pengambilan pendekatan al-tafa'ul boleh diperincikan kepada dua iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

- Al-Quran

Dalam al-Quran, tidak dinyatakan secara langsung perkataan al-tafa'ul mahupun al-fa'l serta lafaz yang lahir daripada kedua-duanya. Namun demikian, terdapat penggunaan kalimah al-tiyarah yang membawa kepada mafhum yang berlawanan dengan pendekatan ini. Sebagai contoh, Allah Ta'ala merakamkan peristiwa dialog penduduk kota Antaqiah dengan para rasul yang diutuskan kepada mereka dengan firmanNya:

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ لَئِنْ لَمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ
قَالُوا طَيَّرْنَا مَعَكُمْ أَيْنَ دُكِّرْتُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Maksudnya:

Mereka menjawab, "Sesungguhnya kami bernasib malang kerana kamu, sesungguhnya jika kamu tidak berhenti (menyeru kami), nescaya kami akan merejam kamu dan kamu pasti akan mendapat siksa yang pedih dari kami". Utusan-utusan itu berkata, "Kemalangan kamu itu adalah kerana kamu sendiri. Apakah jika kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami)? Sebenarnya kamu adalah kaum yang melampaui batas".

(Yaasin: 18-19)

Daripada kedua-dua ayat ini, dapat difahami bahawa penduduk kota tersebut telah menyandarkan kesialan atau pesimis kepada para utusan yang diutuskan kepada mereka. Walau bagaimanapun, para utusan itu menegaskan bahawa bencana yang menimpa kaum tersebut bukan daripada seruan mereka, bahkan daripada keingkaran penduduk terbabit dalam menerima seruan tersebut (al-Zuhaily 1998, Juz. 22: 303-304).

- Al-Sunnah

Telah diriwayatkan dalam banyak hadith bahawa Nabi s.a.w. menyarankan pendekatan al-tafa'ul atau al-fa'l dalam perkara-perkara akidah, dan perbuatan serta percakapan seharian. Nabi s.a.w. pernah bersabda:

لَا طَيْرَةَ وَخَيْرُهَا الْفَأْلُ، قَالُوا: وَمَا الْفَأْلُ، قَالَ: الْكَلِمَةُ الصَّالِحَةُ يَسْمَعُهَا أَحَدُكُمْ

Maafumnya:

Tidak ada tiyarah (pesimis), sebaik-baiknya ialah al-fa'l (optimis). Para sahabat bertanya, "Apakah al-fa'l itu?" Nabi menjawab, "Kata-kata yang baik yang didengari oleh seseorang daripada kamu".

(al-Bukhari 1400H, Bab al-Tiyarah, no. 5754)

Bahkan Rasulullah s.a.w. dalam sirah baginda gemar kepada al-tafa'ul atau al-fa'l al-salih (optimis yang positif). Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

لَا عَدْوَى، وَلَا طَيْرَةَ، وَأَحَبُّ الْفَأَلِ الصَّالِحِ

Maafumnya:

Tidak ada jangkitan dan pesimis. Aku gemar akan optimis yang baik (positif). (Muslim 1998, Kitab al-Salam, Bab al-Tiyarah wa al-Fa'l wa Ma Yakun fih min al-Syu'm, no. 4125).

Justeru, Nabi s.a.w. pernah menukarkan ramai nama para sahabat r.a., nama-nama tempat dan lain-lain yang mempunyai unsur pesimis kepada nama-nama yang bersifat optimis, meyakinkan serta memberi makna yang baik. Rasulullah memilih nama *ya'ish* (يعيش) yang bermakna hidup bagi seorang yang memerah susu unta. Baginda juga melarang penggunaan nama *harb* (حرب) yang bermaksud perang (Atiyyah Saqr t.th., 1: 259). Dalam perang Khaybar antara tentera muslimin dengan golongan Yahudi, Rasulullah telah mengambil beberapa langkah yang optimis dalam usaha untuk memperolehi kemenangan. Anas r.a. meriwayatkan bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ صَلَّى الصُّبْحَ بَغْلَسَ ثُمَّ رَكِبَ فَقَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ خَرِبْتُ خَيْرٌ إِنَّا إِذَا نَزَلْنَا بِسَاحَةِ قَوْمٍ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْذِرِينَ

Maafumnya:

Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersolat subuh pada awal waktu. Kemudian baginda menunggang kenderaannya seraya melafazkan kalimah Allahuakbar, binasalah Khaybar serta membacakan firman Allah Taala yang berbunyi:

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْذِرِينَ

Maksudnya:

Apabila azab itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah hari orang-orang yang tidak mengendahkan amaran yang telah diberikan.

(al-Saffat: 177)

(al-Bukhari 1400H, Bab al-Takbir wa al-Ghalas bi al-Subh wa al-Shalah, no. 358)

Daripada hadith ini, dapat difahami baginda bertafa'ul dengan membaca ayat yang ada 'munasabah' dengan apa yang sedang baginda lakukan iaitu menyerang Yahudi Khaibar yang mengkhianati perjanjian dengan negara Islam Madinah dan berkomplot untuk menghuru-harakan masyarakat.

Perbandingan antara al-Tafa'ul, al-Tawassul dan al-Tabarruk

Terdapat beberapa konsep yang hampir sama dengan al-tafa'ul, iaitu *al-tawassul* dan *al-tabarruk*. Namun, ketiga-tiga konsep ini wajar dibuat perbandingan agar dapat dibuat kesimpulan yang tuntas daripadanya.

Pertama, konsep al-tawassul diambil daripada perkataan *al-wasilah*. Dari segi bahasa, al-wasilah ialah apa-apa perkara yang digunakan untuk mendekatkan diri dengan pihak yang lain. Manakala al-tawassul kepada Allah bermaksud mendekatkan diri kepadaNya dengan amalan-amalan tertentu (al-Sihhah t.th., 636). Pengertian ini tidak terkeluar daripada maffhumnya di sisi syarak. Dalam kehidupan seorang muslim, ia dituntut agar mendekatkan diri kepada Allah, serta mencapai redha dan ganjaranNya. Allah Ta'ala telah mensyariatkan setiap ibadah dan membuka bab mendekatkan diri kepadaNya. Ia menjadi sebahagian daripada rahmat dan kurniaan Allah terhadap hamba-hambaNya. Justeru, mereka boleh mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala dengan mengerjakan ibadah-ibadah tersebut. Contohnya, solat yang dilakukan boleh menjadi wasilah dalam usaha mendekatkan diri seseorang hamba itu kepada Allah Ta'ala (°Ali Jum'ah 2005:176-177).

Manakala al-tabarruk pula berasal daripada perkataan *al-barakah*. Ia bermaksud pertambahan dan pertumbuhan. Manakala al-tabarruk bermaksud mencari keberkatan dengan menginginkan pertambahan dan kebaikan dalam aspek seperti rezeki, usia dan keturunan (Mukhtar al-Sihhah t.th., 43).

Al-tabarruk dari sudut istilah ialah satu usaha atau jalan mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala dengan pihak yang diambil kebaikan daripadanya, sama ada ia adalah bekas atau sisa, atau tempat, dan juga seseorang. Sebagai contohnya, apabila kita mengambil keberkatan seseorang yang mulia seperti Nabi Muhammad s.a.w., kita meyakini bahawa baginda dikurniakan kelebihan dan kedudukan yang hampir dengan Allah Ta'ala. Pada masa yang sama, kita juga menyakini bahawa baginda tidak mampu mendatangkan kebaikan atau menolak keburukan melainkan dengan izin Allah Ta'ala (al-Malikiy 1995, 219).

Kesimpulannya, pendekatan al-tafa'ul, al-tawassul dan al-tabarruk sama-sama digunakan untuk mencari keredhaan Allah Ta'ala dan mendekatkan diri kepadaNya. Walau bagaimanapun, pendekatan al-tafa'ul lebih mirip kepada memilih perkara-perkara yang optimis, menggembirakan hati serta menenangkan jiwa, manakala al-tawassul dikaitkan dengan melalui jalan-jalan yang telah ditetapkan syarak dalam mendekatkan diri kepada Allah. Al-tabarruk pula lebih menjurus kepada meraih keberkatan daripada seseorang, tempat atau kesan-kesan tanpa mengubah akidah dan kepercayaan kepada Allah yang Maha Berkuasa dalam mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan.

Penggunaan Pendekatan al-Tafa'ul Menurut Perspektif Islam

Dalam Islam, pendekatan ini sering dikaitkan dengan konsep yang berlawanan dengannya yang dikenali sebagai *al-tiyarah* atau pesimis dan kecelakaan. Al-tiyarah (لطيّرة) atau *al-tatoyyur* (التطير) adalah kata nama terbitan kepada kata kerja (تطير). Ia bermaksud menggunakan petunjuk burung yang terbang atau melihat dan mendengar sesuatu sebagai apa yang akan diperolehi oleh seseorang. Masyarakat Arab jahiliah sering menghalau burung dari sarangnya dan melihat arah ia terbang. Jika ia terbang ke kanan, maka ia merupakan khabar gembira, tetapi jika ia terbang ke kiri, maka ia merupakan khabar buruk. Pesimis ialah sebahagian daripada al-tiyarah jika tindakbalasnya negatif, manakala al-tafa'ul atau optimis ialah jika tindakbalasnya positif. Ia berpunca daripada keinginan manusia untuk mengetahui perkara-perkara ghaib dan mendatang. Perlakuan ini bukan suatu perkara yang baru. Ia dirakamkan di dalam al-Quran tatkala Allah menceritakan perihal kaum-kaum terdahulu serta mencela perbuatan mereka. Antara yang dicela ialah perlakuan al-tiyarah (°Atiyyah Saqr, t.th., 1: 257).

Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa daripada nas-nas yang datang daripada Nabi s.a.w. menunjukkan bahawa al-fa'l tidak menjadi syirik, bahkan ia menguatkan fitrah dan tabiat manusia yang sukakan kebaikan dan bencikan kejahatan. Ia sama seperti seseorang yang sukakan suara yang merdu, bau-bauan yang wangi, serta berita-berita gembira misalnya tentang kehamilan, kesihatan dan kejayaan. Namun, ia mesti dengan iktikad bahawa segala perkara tersebut tidak akan memberi kesan melainkan dengan izin Allah Ta'ala. Ini berbeza

dengan *al-tasha'um* (buruk sangka dengan Allah) kerana ia boleh membawa kepada syirik dan meninggalkan tawakal kepada Allah ('Atiyyah Saqr t.th., 1: 259).

Sesetengah ulama' yang lain membezakan antara al-fa'l dengan al-tiyarah. Al-fa'l ialah menzahirkan sesuatu yang telah timbul dalam diri seseorang dan ia merupakan perasaan selesa dan tenang yang lahir dengan seumpama mendengar nama yang baik. Manakala al-tiyarah pula lebih berupa petunjuk ke atas sesuatu yang belum terjadi ('Atiyyah Saqr t.th., 1: 259-260).

Sehubungan dengan itu, pendekatan al-tafa'ul juga boleh diterima pakai selagi tidak menimbulkan masalah kepada aqidah seseorang serta menjejaskan imannya seperti mempercayai hanya dengan melakukan perkara itu sahaja maka hajatnya pasti akan tertunai, membuat pergantungan kepada ayat-ayat dan surah-surah tertentu semata-mata dengan menganggap ia yang mendatangkan manfaat atau mudarat, bukannya Allah Ta'ala. Selain itu, akidah juga boleh terjejas sekiranya individu yang mengamalkan al-tafa'ul meyakini bahawa ia adalah suatu kewajipan syarak serta diamalkan pula oleh Nabi Muhammad s.a.w., sedangkan sandaran serta sabitannya kepada baginda s.a.w. masih belum pasti. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Mafhumnya:

"Sesiapa yang beramal dengan sesuatu amalan yang bukan dalam urusan (agama) kami, maka ia adalah tertolak."

(Muslim 1998, Kitab al-Aqdhayah, Bab Naqdh al-Ahkam al-Bathilah wa Radd al-Muhdathat, no. 3243)

Kesimpulannya, aplikasi pendekatan tafa'ul tidak menyimpang dari ajaran Islam sekiranya ia tidak berlawanan dengan nas syarak yang terang dan tidak melakukan perkara yang boleh menjerumuskan diri dalam unsur-unsur bidaah dan syirik.

Contoh-contoh Penggunaan Pendekatan al-Tafa'ul dalam Kitab-kitab Fiqh

Sebagai penegasan kepada pendekatan al-tafa'ul yang dibincangkan, berikut merupakan beberapa contoh yang diketengahkan oleh para ulama fiqh dalam kitab-kitab mereka. Contoh-contoh yang dikemukakan adalah relevan memandangkan amalannya yang agak menyeluruh dalam konteks masyarakat hari ini.

Menyilangkan Jari-jari Tangan (al-Tashbik) Ketika Solat

Disebutkan dalam Kitab *Manh al-Jalil Sharh Mukhtasar Khalil*, dalam Fasal Perkara-perkara yang Wajib dan Sunat dalam Solat:

Makruh menyilangkan kesemua jarinya, iaitu bagi yang bersolat sahaja, tidak bagi yang lain sekalipun di dalam masjid. Ia adalah khilaf aula kerana bertafa'ul dengan kerumitan urusan terhadap seseorang..." (Muhammad bin Ahmad 'Alaish 1989, 1: 270).

Daripada teks ini, dapat difahami bahawa makruh hukumnya seseorang yang sedang bersolat menyilangkan jari-jarinya, iaitu dengan memasukkan setiap jari di tangan kanannya ke celah-celah setiap jari di sebelah tangan kirinya. Perbuatan ini dinamakan *al-tashbik*. Hal ini dilarang kerana perbuatan ini boleh membawa kepada maksud pesimis, iaitu al-tashbik (kesusahan) dalam segala urusannya. Walau bagaimanapun, al-tashbik masih dibenarkan jika tidak bermaksud pesimis sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang berbunyi:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا، وَشَبَّكَ أَصَابِعُهُ

Maafumnya:

Sesungguhnya orang mukmin sesama mukmin adalah persis sebuah binaan yang saling mengukuh antara satu sama lain. Lalu baginda menyilangkan (al-tashbik) antara jari-jarinya

(al-Bukhari 1400H, Kitab al-Solah, Bab Tashbik al-'Asabi' fi al-Masjid wa Ghayrihi, no. 462).

Solat Istisqa'

Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya'* berkata:

Imam itu mengubah-ngubah serbannya pada ketika itu sebagai bertafa'ul dengan perubahan hal. Yang demikian itu dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.. Baginda menjadikan bahagian atas serban itu ke bawah, yang kanan ke kiri, dan yang kiri ke kanan. Begitu juga yang dilakukan oleh orang lain.

(al-Ghazali 1998, 1: 267)

Petikan di atas menunjukkan bahawa sunat hukumnya bagi imam yang mengetuai solat istisqa', iaitu solat minta hujan disebabkan kemarau yang berpanjangan agar mengubah-ngubah kedudukan serban yang berada di atas bahunya. Ini sebagai satu tafa'ul dalam mengharapkan perubahan keadaan yang buruk (kemarau panjang) kepada keadaan yang lebih baik (hujan).

Memberi Nama Anak

Imam al-Khatib al-Shirbini berkata dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*:

Dan disunatkan memperelokkan nama anak berdasarkan hadith: "Sesungguhnya kamu akan dipanggil pada hari kiamat dengan dengan nama kamu dan nama bapa kamu, maka perelokkan nama kamu." Sebaik-baik nama ialah Abdullah dan Abdul Rahman, berdasarkan hadith Muslim: "Nama yang paling dikasihi di sisi Allah Ta'ala ialah Abdullah dan Abdul Rahman." Abu Dawud menambah: "Yang paling dipercayai ialah Harith dan Hammam, dan yang paling buruk ialah Harb dan Murrah." Makruh memberi nama-nama yang buruk seperti Syaitan, Zalim, Shihab, Himar dan Kulayb, serta nama-nama yang mendatangkan pesimis pada kebiasaannya, seperti Najih dan Barakah berdasarkan hadith: "Jangan kamu menamakan anakmu dengan Aflah, Najih, Yasar atau Rabbah. Sesungguhnya engkau jika menyebutnya, adakah ia begitu, maka akan menjawab: "Tidak." Disunatkan menukar nama-nama yang buruk serta yang mendatangkan pesimis pada adatnya berdasarkan hadith Muslim: "Bahawa Nabi s.a.w. telah menukarkan nama 'Asiah dan memanggil: Anda ialah Jamilah."

Berdasarkan petikan di atas adalah sunat hukumnya memberikan nama yang baik kepada anak-anak, juga *thabit* larangan menamakan anak-anak dengan nama yang buruk serta menukarkan nama buruk yang sedia ada. Ini juga dianggap bertafa'ul dengan nama-nama yang baik agar anak-anak itu membesar dalam suasana yang baik dan kondusif, sesuai dengan namanya. Pada masa yang sama, nama-nama yang buruk akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap jiwa anak-anak tersebut (al-Shirbini 1994, 6: 140-141).

Jamuan Aqiqah

Imam al-Khatib al-Shirbini turut menyatakan dalam kitabnya:

Disunatkan memasaknya seperti segala jamuan yang lain berdasarkan hadith yang direkodkan daripada Aishah r.a. bahawa ia adalah sunnah. Ia dimasak dengan

manisan sebagai bertafa'ul dengan kemanisan akhlak anak tersebut. Dalam satu hadith: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. sangat menyukai manisan dan madu."

(al-Shirbini 1994, 6: 140)

Dalam konteks yang sama, beliau turut menyatakan:

Jangan mematahkan tulang binatang akikah tersebut, iaitu disunatkan berbuat demikian selagi boleh. Akan tetapi, dipotong setiap tulang itu daripada sendinya sebagai bertafa'ul dengan kesejahteraan anggota bayi tersebut."

(al-Shirbini 1994, 6: 140)

Daripada kedua-dua petikan ini dapat diambil dua hukum iaitu memaniskan jamuan akikah dan mematahkan tulang binatang yang diakikahkan.

- Memaniskan jamuan akikah.

Sunat hukumnya memasak jamuan untuk akikah secara manis dengan menggunakan manisan seperti madu, gula dan sebagainya. Hal ini sebagai bertafa'ul dengan kemanisan dan keindahan akhlak kanak-kanak yang diakikahkan tersebut apabila ia membesar kelak.

- Mematahkan tulang binatang yang diakikahkan

Hukum mematahkan tulang binatang yang disembelih untuk tujuan akikah adalah makruh. Maka disunatkan untuk mengelakkan perkara yang demikian selagi mampu, dengan memotongnya mengikut sendi-sendi yang ada. Hal ini sebagai bertafa'ul dengan keselamatan dan kesejahteraan setiap anggota tubuh anak yang diakikahkan, agar ia membesar dengan baik dan sejahtera (al-Shirbini 1994, 6: 140).

Pengurusan Jenazah

Dinyatakan dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*:

"Dan makruh mengiringinya dengan obor api atau selainnya, kerana padanya terdapat tafa'ul yang buruk. Juga berdasarkan hadith Abu Dawud: Jangan kamu mengiringi jenazah dengan suara tangisan atau api."

(al-Shirbini 1994, 2: 49).

Petikan ini menjelaskan bahawa antara perkara yang dimakruhkan ketika mengiringi jenazah ke perkuburan ialah dengan membawa api bersama-samanya, sama ada dalam bentuk jamung atau obor. Hal ini disebabkan api itu boleh dikaitkan dengan bakaran atau azab api neraka. Maka membawanya dikira satu tafa'ul yang tidak baik yang patut dielakkan.

Kesimpulan

Pendekatan al-tafa'ul yang dikupas dalam artikel, serta ditinjau penggunaannya dalam kitab-kitab fiqh sebenarnya bukan istilah atau kaedah yang baru. Ia telah digunakan oleh pelbagai lapisan manusia dalam pelbagai urusan berdasarkan kepercayaan dan kefahaman masing-masing. Ia juga mempunyai kaitan yang rapat sebagai faktor dan dorongan untuk melakukan sesuatu perkara. Cuma, pendekatan al-tafa'ul dalam Islam lebih menjurus kepada keyakinan serta ketenangan hati dalam melakukan sesuatu amalan atau perbuatan, di samping ingin memperolehi keberkatan dalam beramal dengannya. Kesimpulannya, pendekatan ini tidak boleh dianggap dalil atau sumber yang berautoriti dalam menentukan kedudukan hukum sesuatu perbuatan atau fadilatnya. Walau bagaimanapun, selagi tidak ada nas atau dalil muktabar yang menafikannya, maka pendekatan tersebut masih boleh diterima atas dasar *al-isti'nas*, iaitu boleh diambil atas dasar menyedapkan hati dan bukan sebagai hujah (Ahmad al-'Ayad et al. t.th., 113). Tetapi hujah tersebut bukan merupakan satu hujah yang muktamad.

Rujukan

- Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, 1400H, *al-Jami' al-Sahih*, Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Abu al-Husayn Muslim bin Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, t.th., *al-Jami' al-Sahih*, t.tp.: al-Taba'ah al-Turkiyyah.
- Ahmad al-'Ayad et al., t.th., *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiy*, Tunis: Larus.
- Ahmad ibn Hanbal, 2008, *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ali Jum'ah, 2005, *al-Bayan Lima Yushghilu al-Azhan*, Kaherah: al-Muqattam Li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Atiyyah Saqr, t.th., *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*, Jil. 1, Kaherah: Dar al-Ghad al-'Arabiyy.
- al-Fayyumi, Ahmad Ibn Muhammad Ibn 'Ali al-Muqri. 2000, *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1998, *Ihya' 'Ulum al-Din*, Mesir: Maktabah Misr.
- Ibn al-Athir, t.th., *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Rejab al-Hanbali, 2005, *Lata'if al-Ma'arif fi ma li Mawasim al-'Am min al-Wazaif*, Kaherah: Dar Ibnu al-Haytham.
- al-Maliki al-Hasani, Muhammad Ibn 'Alawi. 1995, *Mafahim Yajibu An Tusahhah*, ulang cetak, Dubai: Dairah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari. 1996, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, ulang cetak, Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Shirbini, Muhamad Ibn Muhamad al-Khatib. 1995, *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani, Alfaz al-Minhaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhaily, Wahbah., 1998, *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shar'ah wa al-Manhaj*, Damsyik: Dar al-Fikr.

HASANULDDIN MOHD
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: hasandin@unisza.edu.my

AHMAD TIRMIZI TAHA
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: tirmizi@unisza.edu.my

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas

AKILA MAMAT
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: akila@unisza.edu.my